

22 MAY 1997

SYARIKAT M'SIA DAN FIRMA UK METERAI PERJANJIAN PENDIDIKAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Land & General Bhd (L&G), Utusan Melayu Bhd dan New Media Press Ltd (United Kingdom) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 20 Mei lalu untuk bekerjasama dan menghasilkan bahan-bahan menggunakan teknologi baru bagi memodenkan kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik di rantau Asean.

Selain daripada merangka pelan untuk menggunakan media interaktif dalam CD ROM, Internet dan Intranet, MoU itu juga diadakan untuk mengurangkan kos bahan-bahan mengajar.

Perjanjian itu dimeterai di London dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Satu perjanjian usaha sama untuk melaksanakan projek itu dijangka selesai sebelum 31 Ogos, demikian menurut Utusan Melayu.

L&G, dalam kenyataan berasingan berkata di bawah kerjasama itu, bahagian pendidikannya akan menyediakan pengesahan oleh pakar pendidikan menerusi ujian bahan-bahan di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh kumpulan itu dan beberapa sekolah lain serta mendapatkan nasihat pakar pendidikan yang berpengalaman mengenai isi kandungan program pembangunan.

Menurut L&G, peranan Utusan Melayu adalah untuk menyediakan jualan dan pemasaran, mewujudkan penterjemahan, rakaman audio dan elemen-elemen lain untuk pemusatan program, integrasi elemen pemusatan, dan syarat-syarat bagi pemasangan tempatan dan perkhidmatan sokongan.

Peranan New Media pula adalah dalam reka bentuk barangan dan pembangunan, menggabungkan elemen-elemen tempatan, pengurusan tapak internet dan penyalinan cakera padat, tambah L&G. -- BERNAMA

MSL ZK/sia